

KOLEKSI TRIAL SPM 2025 (MATEMATIK PENGGUNA/ SUDUT)

MATEMATIK PENGGUNA SELANGOR

- 17 (a) Puan Naili membeli sebuah rumah pada Januari 2000 dengan harga RM260 000. Dia membayar 10% wang pendahuluan. Kemudian, Puan Naili menjual rumah tersebut dengan harga RM530 000 setelah genap memiliki rumah tersebut selama 25 tahun. Jumlah pinjaman yang telah dilunaskan kepada pihak bank berjumlah RM380 000. Dalam tempoh tersebut, dia memperoleh RM80 000 hasil sewaan. Perbelanjaan-perbelanjaan lain yang terlibat adalah seperti dalam Jadual 6.
- Puan Naili bought a house in January 2000 at a price of RM260 000. She paid a 10% down payment. Later, Puan Naili sold the house at a price of RM530 000 after having owned it for 25 years. The total loan amount amortized to the bank was RM380 000. During that period, she managed to earn a rent of RM80 000. Other expenses incurred are as in Table 6.*

Duti setem (semasa urusan jual beli) <i>Stamp duty (during sale and purchase)</i>	RM4 500
Komisen ejen <i>Agent's commission</i>	RM3 000
Kos guaman <i>Legal cost</i>	RM4 000

Jadual 6

- (i) Nyatakan jenis pelaburan Puan Naili. [1 markah]
State the type of investment made by Puan Naili. [1 mark]
- (ii) Hitung nilai pulangan pelaburan Puan Naili. [3 markah]
Calculate return on investment for Puan Naili. [3 marks]

MELAKA

- (d) Kerajaan negeri Melaka menyalurkan bantuan kewangan sebanyak RM12 000 kepada pihak pengurusan pelancongan. Syarikat Pelancongan Ain menyimpan wang tersebut di sebuah bank selama 3 tahun sebelum digunakan untuk naik taraf. Bank tersebut memberikan kadar faedah 4% setahun dan dikompoun setiap suku tahun.
- The Melaka state government provides financial aid of RM12 000 to the tourism management authority. Syarikat Pelancongan Ain deposits the money in a bank for 3 years before using it for upgrades. The bank offers an interest rate of 4% per annum, compounded quarterly.*
- (i) Hitung jumlah wang terkumpul selepas 3 tahun. [2 markah / marks]
Calculate the total amount after 3 years.
- (ii) Jika bilangan pengkompaunan ditukar 6 kali setahun, nyatakan kesan kepada jumlah pulangan terkumpul? [1 markah / mark]
If the number of compounding periods is changed to 6 times a year, state the effect on the total accumulated return?

MELAKA

- (d) Biro Pengawas Sekolah telah membuat pinjaman dari koperasi sekolah sebanyak RM2 000 untuk menampung kos penyediaan cenderamata hari guru tersebut. Kadar faedah bagi pinjaman tersebut ialah 1.5% setahun ke atas baki. Tempoh bayaran balik adalah selama 2 tahun manakala ansuran bulanan adalah sebanyak RM90. Hitung jumlah faedah yang perlu dibayar oleh mereka dalam masa 2 bulan.
- The School's Prefects Bureau has taken out a loan from the school cooperative of RM2 000 to cover the cost of preparing the Teacher's Day souvenirs. The interest rate for the loan is 1.5% per annum on the balance. The repayment period is 2 years while the monthly instalment is RM90. Calculate the amount of interest that they need to pay in 2 months.*
- [3 markah / marks]

TERENGGANU

- (c) Encik Faris ingin mengembangkan perniagaannya. Berdasarkan status kewangannya, beliau hanya mampu membayar pinjaman bank tidak melebihi RM1 400 sebulan. Beliau menghubungi dua buah bank untuk mendapatkan maklumat berkaitan pinjaman. Jadual 6(c) ialah pakej pinjaman yang ditawarkan oleh bank tersebut.

Encik Faris wants to expand his business. Based on his financial status, he can only afford to pay a bank loan of not more than RM1 400 per month. He contacted two banks to obtain information regarding the loan. Table 6(c) is the loan packages offered by the banks.

	Bank A	Bank B
Jumlah pinjaman <i>Loan amount</i>	RM80 000	RM80 000
Tempoh bayaran <i>Payment period</i>	8 tahun 8 years	6 tahun 6 years
Kadar faedah <i>Interest rate</i>	4.5%	5%

Jadual 6(c)
Table 6(c)

Bank manakah yang sesuai dipilih oleh Encik Faris ?

Which bank is suitable for Encik Faris ?

[4 markah]

KELANTAN

- (d) Syarikat MyTiqnAI bercadang untuk melaburkan sebahagian keuntungan dalam projek AI dengan sasaran nilai pulangan pelaburan melebihi 60%. Mereka melabur RM500 000 dalam projek AI dengan membeli saham yang berharga RM1.25 seunit. Pada akhir tahun tersebut, syarikat telah mengisytiharkan dividen sebanyak 20 sen seunit. Pada tahun berikutnya, syarikat MyTiqnAI telah menjual semua saham yang dipegang apabila harga saham meningkat kepada RM1.75 seunit. Hitung nilai pulangan pelaburan bagi syarikat MyTiqnAI. Adakah sasarannya tercapai?

PULAU PINANG

- (d) Encik Aiman mahu membeli sebuah kereta Perodua Axia untuk anaknya, Kamila, bagi berulang alik ke kolej yang berhampiran rumahnya di Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Rajah 19 menunjukkan satu iklan yang ditawarkan oleh Bank Berjaya.
- Encik Aiman wants to buy a Perodua Axia car for his daughter, Kamila, to commute to a nearby college from their home in Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Diagram 19 shows an advertisement offered by Bank Berjaya.*

BANK BERJAYA
Pembiayaan sehingga 90% <i>Financing offer up to 90%</i>
Kadar faedah 4.25% setahun <i>Interest rate 4.25% per annum</i>

Rajah 19
Diagram 19

Harga sebuah kereta Perodua Axia adalah RM 39 900. Hitung bayaran ansuran bulanan yang perlu dibayarnya jika tempoh bayaran balik pinjaman yang dipilih adalah tujuh tahun. [3 markah]

JOHOR SET 1

- 10 Haris membeli 900 unit saham sebuah Syarikat Teknologi Kukuh pada harga RM3.50 seunit. Pada akhir tahun, Syarikat Teknologi Kukuh membayar dividen sebanyak 30 sen seunit kepada semua pemegang saham syarikatnya. Pada tahun berikutnya, Haris telah menjual semua saham yang dipegang apabila harga saham meningkat kepada RM4.00 seunit. Berapakah nilai pulangan pelaburan bagi Haris?

JOHOR SET 2


- 10 Soon Jung melabur dalam Amanah Saham Berhad sebanyak 2 000 unit yang bernilai RM4.20 seunit pada 1 Januari 2023. Bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2023, Amanah Saham Berhad membayar dividen sebanyak 6%. Pada 1 Januari 2024, Soon Jung menjual semua saham dengan harga RM4.80 seunit. Berapakah nilai pulangan pelaburan Soon Jung?

SUDUT SELANGOR

- 3 (a) Hitung bilangan segi tiga yang terbentuk bagi poligon 12 sisi.
Calculate the number of triangles formed for 12-sided polygon.

[1 markah]
[1 mark]

- (b) Rajah 3 menunjukkan sebuah segi tiga KLM.
Diagram 3 shows a triangle KLM.



Cari nilai x .
Find the value of x .

[2 markah]
[2 marks]

JOHOT SET 1

- 1 Dalam Rajah 1, $GHIJKL$ ialah sebuah poligon sekata.
In Diagram 1, $GHIJKL$ is a regular polygon.

- (a) (i) Namakan poligon sekata $GHIJKL$.
Name the regular polygon $GHIJKL$.
(ii) Lukis satu pepenjuru dalam Rajah 1 pada ruang jawapan.
Draw one diagonal in Diagram 1 in the answer space.


[2 markah / marks]

- (b) Hitung sudut peluaran berdasarkan Rajah 1.
Calculate the exterior angle based on Diagram 1.

[1 markah / mark]

- (a) (i)

- (ii)



JOHOR SET 2

- 1 Dalam Rajah 1, $HUKL$ ialah sebuah poligon sekata.

In Diagram 1, $HUKL$ is a regular polygon.

- (a) (i) Namakan poligon sekata $HUKL$.
Name the regular polygon $HUKL$.
(ii) Lukis satu pepenjuru dalam Rajah 1 pada ruang jawapan.
Draw one diagonal in Diagram 1 in the answer space.

[2 markah / marks]

- (b) Hitung sudut peluaran berdasarkan Rajah 1.
Calculate the exterior angle based on Diagram 1.

[1 markah / mark]

- (ii)

